

07/03/2004

Snap tidak bermusuh dengan Pusat

KUCHING: Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) tidak akan bermusuh dengan Barisan Nasional (BN) walaupun terpaksa bertanding sebagai pembangkang dalam pilihan raya kali ini.

Presiden Snap, Edwin Dundang, berkata keputusan untuk tidak bertanding sebagai parti komponen kali ini bukan atas kehendak parti berkenaan, sebaliknya pucuk pimpinan BN negeri.

"Dengan BN Pusat, kita tidak ada apa-apa masalah, malah kita mengagumi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang cuba mengekalkan semangat perpaduan di kalangan parti komponen.

"BN negeri yang jadi masalah dan kita percaya, ada pihak yang sengaja tidak mahu kita menyertai semula BN dan bertanding sebagai parti komponen," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Pada masa sama, beliau mendesak pucuk pimpinan BN negeri supaya membaiki segala kelemahan mereka, termasuk perasaan hasad dengki dan sikap mementingkan diri sendiri.

"Banyak yang tidak betul dalam BN negeri, masing-masing sibuk cari nama untuk kepentingan sendiri walaupun terpaksa menjatuhkan sesama sendiri, termasuklah kawan baik sendiri.

"Ini tidak sepatutnya berlaku. Sepatutnya, mereka kena bersatu sebagai persediaan menghadapi saingan pembangkang. Maklumlah, pembangkang yang bertanding kali ini bukannya calang-calang," katanya.

Katanya, ada pihak tertentu dalam BN negeri yang sengaja mahu melihat Snap dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) berpecah belah, malah teori itu berkait rapat dengan perkembangan semasa politik negeri.